



KEPERLUAN MEMAHAMI PSIKOLOGI SAUDARA MUSLIM

(The Need to Understand the Psychology of Muslim Converts)

NUR A'THIROH MASYAA'IL TAN BINTI ABDULLAH @ TAN AI
PAO
FARIZA MD SHAM*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Prinsip Pendekatan Islam Hadhari memberi kemuliaan insan kepada setiap individu. Di bawah prinsip ini, hak-hak semua individu dijamin. Ini termasuk kepada kumpulan yang melakukan konversi yang dikenali sebagai saudara Muslim. Orang yang baru memeluk Islam biasanya menghadapi tahap dilema psikologi yang memerlukan pemahaman daripada masyarakat. Psikologi saudara Muslim merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat. Saudara Muslim yang memperolehi ketenangan jiwa akan membawa kepada kesejahteraan hidup mereka. Kecelaruan psikologi saudara Muslim akan menyebabkan mereka hidup dalam tekanan dan akan mengganggu gugat pegangan aqidah mereka. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap psikologi saudara Muslim, cabaran psikologi saudara Muslim dan pendekatan dakwah Islamiah ke arah kesejahteraan hidup saudara Muslim. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian lapangan (fieldwork research) dan kajian perpustakaan (arm chair research). Hasil kajian ini mendapati saudara Muslim menghadapi lima tahap psikologi, iaitu tahap tenang, tahap kon lik kepercayaan, tahap desakan mencari kebenaran agama, tahap tekanan psikologi dan tahap tenang semula. Cabaran psikologi yang dihadapi oleh saudara Muslim seperti cabaran penghayatan agama, tekanan psikologi dari keluarga, keluarga angkat dan masyarakat dan tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri ke dalam agama baru. Pendekatan dakwah Islamiah boleh menangani cabaran psikologi saudara Muslim bagi mencapai kesejahteraan hidup, iaitu ke tahap mutma'innah.

Kata Kunci: Psikologi, Saudara Muslim, Cabaran, Dakwah.

*Corresponding Author: Fariza Md.Sham, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: farisham@ukm.my

Diterbitkan: 9 Julai 2009

Diterima: 22 September 2009

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0102-06>

ABSTRACT

The principal approaches of Islamic civilization (Islam Hadhari) are giving upmost respect towards one individual. These include groups of Muslim converts called saudara Muslim. One who just converted to Islam will usually faces psychological challenges/ dilemma and needs the upmost understanding from the society surrounding them. The psychological aspect of Muslim converts is the most important aspect that needs to be address by the society. Muslim converts that have a peace of mind will eventually lead them to a good live. The unstable state of psychological will eventually make them live in stress and shaken their faith of converts. This article is to identify the phases of psychology faced by the Muslim converts, psychological challenges faced by them and the da'wah approaches that can help them in their lives as Muslim converts. This study is being conducted in fieldwork research and arm chair research. The results show that Muslim converts is experiencing five psychology phases: the phase of peace and calmness, conflict of faith phases, resistance in finding the right faith, phases of psychological pressure and back to peace and calmness phases. The psychological challenges being faced by Muslim converts includes understanding Islam as one religion, psychological pressure from the family, foster family and society and lastly psychological pressure in adapting into the new religions. The da'wah Islamiyah approaches can help to overcome the psychological challenges being faced by the Muslim converts in order to achieve serenity in live which is called *mutma'innah*.

Keywords: Psychology, Muslim converts, Challenges, Dakwah.

PENDAHULUAN

Saudara Muslim atau dalam istilah asalnya dikenali sebagai ‘muallaf’ merupakan sebahagian daripada masyarakat Muslim di Malaysia yang boleh dikategorikan dalam Prinsip Pendekatan Islam Hadhari yang ketujuh, iaitu Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita. Pendekatan Islam Hadhari memberi kemuliaan insan kepada semua individu. Ini termasuklah seseorang yang bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Perkataan mualaf atau saudara Muslim disebut sekali dalam al-Qur'an di dalam surah al-Tawbah ayat 60:

Maksud: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana” (al-Tawbah 9: 60).

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dan pelbagai etnik. Hasil daripada pergaulan dan interaksi sesama kaum dalam masyarakat, maka berlaku proses konversi atau proses memeluk Islam. Pelbagai faktor menyebabkan saudara Muslim memilih Islam sebagai pegangan hidup mereka. Proses konversi ini memberi pelbagai cabaran psikologi kepada saudara Muslim. Saudara Muslim menghadapi cabaran psikologi dalam mengharungi kehidupan baru mereka, sama ada di peringkat awal pemelukan Islamnya, pertengahan ataupun di tahap pengukuhan penghayatan Islamnya.

Artikel ini melaporkan sebahagian daripada kajian yang dilakukan berkenaan dengan Cabaran Psikologi Saudara Muslim. Artikel ini menumpukan kepada aspek tahap psikologi dan cabaran psikologi yang dihadapi saudara Muslim. Aspek ini sangat penting untuk diketahui dan difahami oleh masyarakat khususnya para pendakwah, agar menjadi panduan untuk melaksanakan program pengukuhan penghayatan Islam yang berterusan dan berkesan kepada saudara Muslim. Program pengukuhan Islam tersebut mestilah mengambil kira aspek psikologi untuk membantu saudara Muslim membina kehidupan yang sejahtera.

PSIKOLOGI DAN SAUDARA MUSLIM

Psikologi merujuk kepada Kamus Dewan (2002), merangkumi tiga perkara. Pertama, psikologi ialah kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan. Keduanya, ia bermakna pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu dan ketiga, psikologi dalam makna yang lain ialah kebijaksanaan memahami sifat manusia.

Mahmood Nazar Mohamed (2005) dalam buku yang bertajuk *Pengantar Psikologi – Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*, menyatakan psikologi bermaksud kajian jiwa, mental dan rohani manusia. Ia berasal daripada gabungan dua perkataan Greek *Psyche* (Psiko) yang bermakna jiwa, rohani atau mental dan *logos* (logi) bermaksud kajian. Siti Hawa Munji dan Ma’rof Redzuan (1990) pula memberikan definisi yang agak berbeza dengan definisi daripada Mahmood Nazar Mohamed, iaitu *Psyche* (Psiko) hanya bermaksud jiwa atau semangat dan *logos* (logi) bererti pengajaran. Psikologi pada pandangan mereka adalah sains ilmiah yang perlukan pelbagai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan kajian tentang tingkah laku dan proses mental. Psikologi bertujuan untuk memahami tingkah laku manusia dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk penyelesaian permasalahan manusia.

Psikologi bermaksud kajian tingkah laku dan proses-proses mental di atas juga dipersetujui oleh Asmawati Desa (2001). Tingkah laku yang dimaksudkan oleh ahli-ahli psikologi adalah segala aktiviti yang dilakukan oleh manusia atau

haiwan yang dapat diperhatikan dan diukur secara ilmiah. Manakala proses-proses mental pula merujuk kepada fenomena seperti pemikiran, perasaan dan ingatan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa psikologi ialah kajian mengenai jiwa, tingkah laku dan mental manusia. Psikologi bukan sahaja berkenaan dengan sesuatu yang berlaku dalam minda seseorang manusia, tetapi ia juga mempunyai hubungan antara tingkah laku dan proses mental yang berlaku dalam diri seseorang individu yang memerlukan kajian yang terperinci dalam usaha membantu merungkaikan permasalahan yang dihadapi oleh seseorang.

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, saudara Muslim berketurunan Cina, saudara Muslim berketurunan India atau lain-lain masyarakat dirujuk dan diistilahkan sebagai mualaf oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khasnya (Anuar Puteh 1999). Artikel tulisan Anuar Puteh (2005) dalam buku *Masa Depan Saudara Baru – Harapan, Realiti dan Cabaran*, saudara Muslim merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan.

Manakala takrif lain yang lebih jelas memberi pengertian saudara Muslim sebagai orang yang dipujuk dan dijinakkan, iaitu orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap ajaran Islam atau orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Amran Kasimin 1985). Sebagai perbandingan, definisi yang dinyatakan oleh Dusuki bin Haji Ahmad (1980) menyebut, muallaf adalah orang yang baru memeluk agama Islam. Imannya belum teguh dan mereka berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Nur Kareelawati Abd Karim (2005), mentakrifkan saudara Muslim adalah kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka.

Saudara Muslim diertikan juga sebagai segolongan manusia yang kufur dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat kepada asnaf mualaf adalah wajib bertujuan untuk memotivasisertan serta menguatkan pegangan aqidah Islamiyah yang baru dianuti (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao 2007). Selain itu dengan tumpuan perhatian, kasih sayang dan keikhlasan dalam membimbing saudara Muslim menuju kemantapan jiwa beragama, maka seterusnya akan memberi implikasi kepada kemampuan mereka dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dalam kehidupan mereka.

Daripadauraian di atas dapat disimpulkan saudara Muslim dari segi definisi semasa adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memberi dorongan dan memantapkan lagi keislaman mereka serta beramal dengan ajaran Islam.

PSIKOLOGI SAUDARA MUSLIM

Saudara Muslim mengalami beberapa tahap psikologi sebelum dan selepas memeluk Islam. Setelah individu itu menemui sesuatu hakikat kebenaran yang dicari, diterokai, dikaji dan dianalisis iaitu kesahihan dan keindahan ajaran Islam. Maka individu tersebut dengan kerelaan hati akan mengucapkan dua kalimah syahadah dan seterusnya berkomitmen dengan ajaran Islam. Namun yang demikian, dalam proses menemui sinar Ilahi itu, saudara Muslim akan melalui beberapa tahap yang memerlukan ilmu, kesabaran, dorongan, sokongan, nasihat dan motivasi yang berterusan untuk menghadapi setiap tahapan tersebut sehingga akhirnya membawa kepada tahap ketenangan dalam *al-makrifatullah*.

Merujuk kepada penulisan Zulkiple Abd. Ghani (2006) yang memetik kenyataan Mohamed Asin Dollah (1993) menyatakan bahawa saudara Muslim akan menghadapi sekurang-kurangnya lima peringkat pengIslamannya. Pertama, peringkat tenang, iaitu peringkat alam yang belum dicabar oleh alam kedua. Pada tahap ini saudara Muslim tidak banyak mempersoalkan tentang kebenaran agama yang sedang mereka anuti. Begitu juga, tidak wujudnya dorongan badaniah atau rohaniah untuk mencari sesuatu yang baru dan segala rutin kehidupan berjalan secara normal. Situasi ini berlaku kepada Lang pada tahun 1994, seorang Prof. Madya di Jabatan Matematik, University of Arkansas yang telah memeluk Islam pada awal 1980-an (dalam Zulkiple Abd. Ghani 2006). Kisah kehidupan beliau yang dibesarkan dalam keluarga agama Kristian Katholik, tinggal dengan keluarga, jiran dan masyarakat yang kuat berpegang kepada agama Kristian Katholik. Paderi yang merupakan guru agamanya sentiasa memberi keyakinan akan kebenaran agama Kristian Katholik. Oleh itu, Lang menyatakan pada peringkat ketenangan ini tidak menyaksikan banyak dorongan untuk bertanya atau mempersoalkan secara mendalam persoalan berkaitan kehidupan, walaupun pemikiran tentang keadaan tersebut sentiasa aktif berlegar di pemikirannya. Pemikiran aktif ini boleh dikategorikan dalam personaliti ekstrovert yang mana individu tersebut suka bergaul, sikap mencuba dan keinginan mencari sesuatu perubahan yang baik (Zulkiple Abd. Ghani 2006).

Pada tahap kedua pula, individu akan menghadapi konflik kepercayaan. Individu tersebut membina tahap kefahaman Islam secara agak mendalam, sehingga mampu mempertahankan kebenaran konsep ketuhanan dan

kehakikian ajaran Islam itu sendiri. Dr. Hamid Marcus, seorang ahli sains berbangsa Jerman menulis pengalamannya: "*I had carefully studied an old Quran translation which I had found in the library of my home town and which dated back to 1750... I had opportunity of working together with Muslim and listening to the enthusiastic and inspiring commentaries which founder of the first Muslim Mission at Berlin, and builder of the Berlin Mosque, gave on the Holy Quran*". Maka jelaslah bahawa, dengan adanya maklumat tentang agama Islam dan perkembangan agama Islam dalam mindanya membantu individu untuk memilih Islam sebagai anutannya.

Seterusnya pada tahap ketiga, yakni di peringkat desakan dalaman pengakuan dirinya tentang ajaran agama Islam, akhirnya menyebabkan dirinya terdorong untuk mencari seseorang Muslim lain untuk menyatakan niatnya untuk memeluk Islam dan mencari tempat untuk membolehkannya mempelajari, mendalami, menghayati dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam secara total dalam kehidupannya. Kisah pengIslam Dr. Jefry Lang menjelaskan lagi fakta ini, di mana beliau menuju ke masjid dan bertemu Muslim di sana dan akhirnya melafazkan dua kalimah syahadah.

Seterusnya, saudara Muslim yang telah memeluk Islam tersebut akan mengalami tahap keempat, iaitu peringkat tenang semula setelah pencarian yang meletihkan, mengelirukan dan menuntut kesabaran dalam mencari kebenaran Islam itu. Namun yang demikian, dalam peringkat ini ketenangan yang dikecapi oleh saudara Muslim ini hanya bersifat dalaman yang menemui kebenaran Islam dan cahaya Ilahi. Jauh daripada itu, bagi saudara Muslim mereka juga menghadapi keadaan cabaran psikologi yang mencabar ketenangan jiwa mereka selepas memeluk Islam. Misalnya, Hussin Yee dalam majalah *al-Islam*, Disember (Noorzilla Jamaludin 1994) menjelaskan bahawa pada tahap ketenangan selepas beliau memeluk Islam, beliau menghadapi masyarakat Melayu-Islam yang bersikap prejudis tentang niatnya memeluk Islam. Ini mengakibatkan saudara Muslim hilang tempat untuk mengadu dan rasa diri terhina di sisi masyarakat Islam yang lain.

Dengan pelbagai tahapan dan peringkat yang ditempuh oleh saudara Muslim, berkat kesabarannya akhirnya pada tahap kelima ini, saudara Muslim tersebut melalui peringkat pengukuhan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam. Hanya dengan usaha mempelajari agama Islam, memahami ajarannya, menghayati disebalik tuntutan dan larangan agama, maka akhirnya pasti saudara Muslim dapat mengamalkan ajaran Islam tersebut dengan sempurna dan tanpa sebarang paksaan. Peristiwa ini berlaku kepada Nur Athirah Elsie berumur 38 tahun yang berasal dari Sarawak yang telah memeluk Islam pada tahun 2006. Beliau setelah dua tahun memeluk Islam begitu cenderung untuk mendalami agama Islam sehingga pada temubual pada 10 Sept 2008 di Kelas Pengajian Saudara Muslim Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,

Kuala Lumpur, penulis melihat beliau mempunyai bakat yang besar untuk dilahirkan sebagai pendakwah yang unggul.

Namun yang demikian, selain daripada lima tahap cabaran yang perlu dihadapi oleh saudara Muslim, penulis mendapati penulisan hasil kajian Fariza Md Sham dan Anuar bin Puteh (2006) dalam kertas kerja yang bertajuk *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Muslim: Pengalaman di Malaysia* menyatakan saudara Muslim bukan sahaja menghadapi lima peringkat perkembangan psikologi seperti yang telah dikemukakan oleh Mohamed Asin Dollah (1993), tetapi terdapat satu lagi peringkat yang perlu dilalui oleh saudara Muslim iaitu peringkat tekanan psikologi yang hebat sebelum menghadapi peringkat tenang semula. Faktor luaran seperti tekanan dari keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan persekitaran telah menjadi penyebab utama kepada tekanan psikologi di kalangan saudara Muslim. Peringkat tekanan psikologi ini turut dilalui oleh Nur ‘Athiroh Masyaa’il Tan yang menghadapi pelbagai tekanan terutama dari keluarga, masyarakat dan juga tekanan psikologi dari dalam diri sendiri ketika dalam usaha melakukan penyesuaian baru sebagai seorang Muslim. Jika dikaji secara menyeluruh, terdapat banyak lagi pengalaman dan tekanan psikologi yang dilalui saudara Muslim di Malaysia ini.

CABARAN PSIKOLOGI SAUDARA MUSLIM

Halangan, rintangan serta cabaran tetap akan berlaku lantaran sesuatu perubahan atau tindakan. Itulah hakikat dalam kehidupan manusia. Berat atau ringannya sesuatu cabaran untuk dihadapi bergantung kepada kekuatan dalaman dan sokongan luar pada dirinya tersebut.

Menurut Faudzinaim Hj Badaruddin (2005), secara umumnya cabaran-cabaran yang dihadapi oleh saudara Muslim boleh dilihat daripada dua sudut, iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh saudara Muslim ialah kesan spiritual dan tekanan psikologi sebelum memeluk Islam dan setelah memeluk Islam. Antaranya ialah tekanan spiritual untuk mencari dan memiliki kebenaran dan agama yang benar. Keduanya tekanan psikologi terkesan melalui bangkangan keluarga sebelum dan sesudah memeluk Islam. Ketiganya tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru dan seterusnya keperluan untuk menjadikan diri sebagai *role-model* (Faudzinaim Hj Badaruddin 2005). Pengalaman penulis juga membenarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Faudzinaim kerana ia hampir menepati cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh saudara Muslim jika ditinjau dari sudut dalaman. Kesan cabaran dalaman yang dialami oleh saudara Muslim adalah lebih parah daripada cabaran luaran.

Menurut Faudzinaim Hj Badaruddin (2005), cabaran luaran lebih menjurus kepada perkara-perkara yang muncul daripada luar diri saudara Muslim itu sendiri dan sekaligus telah memberi kesan yang amat mendalam jika dibandingkan dengan kesan cabaran dalaman. Cabaran-cabaran luaran dapat dilihat daripada persepsi penerimaan masyarakat Islam melalui perkahwinan terutamanya masyarakat Melayu. Mereka mempertikaikan tujuan saudara Muslim memeluk Islam dengan mengandaikan bahawa saudara Muslim memeluk Islam disebabkan faktor perkahwinan. Keadaan ini membuatkan saudara Muslim merasa sedih dan kecewa. Keduanya tentang yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga saudara Muslim, kaum keluarga dan anggota masyarakat yang hampir dengan mereka. Manakala yang selebihnya ialah cabaran dilihat daripada soal bantuan yang ditawarkan kepada saudara Muslim daripada segi kewangan, pekerjaan dan juga tempat tinggal. Di samping itu, saudara Muslim di awal pengIslamannya setelah mendapat tentang keluarga dan diberhentikan kerja oleh majikan juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi meringankan beban masalah yang mereka hadapi.

Melihat kepada cabaran-cabaran dalaman serta luaran yang dihadapi oleh saudara Muslim maka tidak mustahillah saudara Muslim juga berkemungkinan besar akan mengalami tekanan daripada segi psikologi seperti kemurungan, kekeliruan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, stress dan lebih dari itu ialah hilang akal seperti yang pernah penulis temui sebelum ini.

Memetik bahan penulisan dari kertas kerja oleh Fariza Md Sham, Anuar bin Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao (2008) dalam kertas kerja yang bertajuk *Cabaran Saudara Kita: Kajian Dari Aspek Psikologi* yang telah dibentang dalam Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah pada 24 Januari 2008 di Residen Hotel, UNITEN, mereka menggariskan beberapa tekanan kejiwaan atau cabaran psikologi yang perlu dihadapi oleh saudara Muslim. Maklumat tentang tekanan kejiwaan ini juga berdasarkan pengalaman-pengalaman saudara Muslim yang mendapat bimbingan kelas fardhu ain dan khidmat nasihat serta bantuan kebajikan dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Cabaran-cabaran psikologi yang sering dihadapi oleh saudara Muslim adalah seperti berikut:

1. Tekanan Spiritual Penghayatan Agama

Fitrah semulajadi manusia berkehendak kepada agama. Tidak kira apa bangsa sekalipun fitrah beragama merupakan agenda utama dalam mengatur kehidupan dunia mereka. Agama Islam merupakan agama yang benar di sisi Allah SWT dan mempunyai garis panduan peraturan hidup yang lurus lagi jelas melalui sumber utama, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Agama Islam adalah agama

yang dibawa oleh para Rasul. Semua Rasul telah mengajak manusia ke jalan Allah SWT. Mereka telah menyampaikan risalah yang sama dan dakwah yang sama, iaitu mengesakan Allah SWT (Nur A‘thiroh Masyaa’il Tan 2007).

Dalam kajian psikologi menunjukkan, dalam diri manusia secara tabiinya mempunyai dorongan yang akan mendorongnya mencari hakikat tentang sesuatu kebenaran sehingga ia berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Dalam soal mencari kebenaran agama, seseorang yang bukan Muslim akan membuat analisis dan melakukan penilaian terhadap kebenaran sesuatu agama yang sesuai dengan fitrah dirinya. Akhirnya, apabila telah dikenalpasti sesuatu agama yang memberi ketenangan jiwanya, maka ia akan meneruskan pencarian sehingga akhirnya mendapati agama Islam menepati fitrah tabii manusia berkehendakkan ketuhanan yang hak dan beramal dengan ajaranNya sehingga dirinya merasai ketenangan dan kebahagiaan yang mutlak. Sepanjang proses pencarian kebenaran sesuatu agama itu, saudara Muslim akan menghadapi situasi kesamaran, ketidakyakinan, kekeliruan dan kesangsian dalam diri mereka yang akhirnya membawa kepada cabaran spiritual dalam pencarian dan menentukan agama yang seiring dengan fitrah dirinya. Peristiwa ini berlaku kepada Nur A‘thiroh Masyaa’il Tan @ Tan Ai Pao yang cuba meminati ajaran Islam sejak di bangku sekolah menengah. Hasil temuramah dengan salah seorang saudara Muslim pada Julai 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu saudara Izzud Deen Abdullah @ Rano mendapat beliau juga cuba mengenal Islam sebelum melafazkan dua kalimah syahadah. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kisah saudara Muslim Mohamad Dharmalingam yang memeluk Islam pada 27 April 1979. Beliau ditemuramah oleh Noorzila Jamaludin dari majalah *Al-Islam* keluaran Disember 1994. Kisah Mohamad Dharmalingam mengecapi nikmat memeluk Islam setelah sekian lama dia mencari kebenaran Islam itu sendiri iaitu sejak dari kecil beliau sering menyebut perkataan ‘Ahad’ dan setelah di bangku sekolah baru beliau faham maksud ‘Ahad’ hasil daripada penjelasan seorang ustaz. Setelah bapanya mengetahui akan minat Mohamad Dharmalingam terhadap Islam, beliau didera dan dihalau dari rumah. Beliau terus merantau mencari ilmu Islam dalam keadaan keluarganya tidak dapat menerima hakikat beliau memeluk Islam.

2. Tekanan Psikologi Daripada Keluarga, Keluarga Angkat dan Masyarakat

Pelbagai cabaran ditempuh oleh saudara Muslim semasa dan selepas memeluk agama Islam. Di antaranya mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum menukar agama. Sikap pemulauan ke atas diri saudara Muslim, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusnya segala perhubungan sama ada daripada segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain, benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan.

Kebiasaan saudara Muslim atau lebih dikenali dengan panggilan mualaf menukar agama kerana berhasrat mendapatkan kemudahan kewangan telah meninggalkan kesan begitu mendalam kepada diri saudara Muslim. Segala tohmahan dan sangkaan kurang baik tersebut membuatkan saudara Muslim berusaha untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa harta kekayaan dan wang serta kemewahan bukan unsur terpenting dalam kehidupan, tetapi ilmu yang membentuk peribadi dan membawa kepada ketaqwaan kepada Allah SWT lebih tinggi nilainya daripada segala-galanya. Tidak kurang juga, segelintir masyarakat Melayu Islam menganaktirikan saudara Muslim ekoran daripada membezakan bangsa dan kaum serta dianggap saudara Muslim menyusahkan masyarakat.

Tekanan juga boleh datang daripada keluarga angkat. Keluarga angkat perlu memahami keperibadian anak angkat yang berstatus saudara Muslim, memahami adat resam mereka yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam untuk diamalkan, memberi kebebasan kepada saudara Muslim untuk membuat pilihan dalam kehidupannya dan yang utama ialah mengajar ajaran Islam seperti fardhu ain dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada saudara Muslim akan memberi impak positif agar saudara Muslim terus maju dan bermotivasi tinggi untuk mendalami ajaran Islam, menghayatinya dan seterusnya mengaplikasikannya dalam segenap kehidupan. Sikap iri hati dan hasad dengki kepada saudara Muslim yang berusaha memajukan kehidupan agar lebih baik daripada sebelumnya juga perlu dijauhi oleh masyarakat. Masyarakat sepatutnya memberi dorongan, sokongan, nasihat dan motivasi kepada saudara Muslim agar lebih maju ke hadapan. Perkara ini penting kerana saudara Muslim juga merupakan salah satu agen utama dan mempunyai kepentingan dalam dakwah Islamiyyah.

Anuar Puteh (2008) menyatakan dalam bukunya *Bimbingan Al-Qur'an Saudara Baru di Lembah Klang*, secara umumnya masyarakat Cina beranggapan bahawa menukar agama kepada agama Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa agama Islam hanya untuk orang Melayu. Ini merupakan satu pengkhianatan kepada keturunan dan perjuangan bangsa Cina kerana bagi mereka ia adalah satu keputusan memutuskan ikatan kekeluargaan atau keturunan. Oleh itu, sebahagian saudara Muslim disingkir, disisih oleh keluarga dan masyarakat mereka.

Dalam majalah *Al-Islam* keluaran Januari (Anon. 1994), Pemangku Pengurus Islamic Outreach ABIM (IOA), Mohd Asri Abdul menyatakan secara umumnya masyarakat Islam Melayu khususnya menerima saudara-saudara Muslim. Bagaimanapun, mereka tidak bersedia menjadi rapat sehingga sanggup mendengar rintihan mereka. Masyarakat Islam perlu dilatih untuk menerima saudara Muslim yang baru memeluk Islam dengan hikmah.

3. Tekanan Psikologi Penyesuaian Diri

Setelah saudara Muslim memeluk Islam, maka akan wujud sesuatu perubahan dalam dirinya dan sudah pasti menzahirkan perbezaan-perbezaan dalam kehidupannya. Ini bermakna sebelum dan selepas memeluk agama Islam, saudara Muslim akan menghadapi corak dan gaya hidup sebagai seorang Muslim. Seorang Muslim dipertanggungjawabkan dengan segala hukum syarak setelah selesai mengucap dua kalimah syahadah.

Sebahagian saudara Muslim yang baru memeluk Islam, mengakui segelintir masyarakat Melayu Muslim memberi bimbingan utama dengan mengubah cara hidup saudara Muslim. Misalnya, menyediakan pakaian baju kurung bagi saudara Muslim wanita, mengajar memakai kain sarong, mendidik makan dengan tangan, tidak boleh makan dengan menggunakan sepit, memakai jubah dan serban, tidak perlu ziarah atau menyambut perayaan seperti Tahun Baru Cina. Dengan suasana sebegini, jelas menunjukkan masyarakat tidak cuba memahami bahawa kemungkinan wujudnya sensitiviti di kalangan saudara Muslim kerana perlu mengubah segala cara dan gaya hidup mereka selama ini yang mana perbuatan dan pemakaian tersebut tidak bertentangan dengan tuntutan agama.

Ketika temubual bersama Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia) pada 15 Ogos 2008 yang lalu, beliau memberikan pandangan bahawa saudara Muslim juga berperanan dalam kehidupan sosial masyarakat dalam mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta meneruskan hubungan baik kekeluargaan antara diri mereka dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, saudara Muslim boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam. Penulis sendiri mendapat dorongan, nasihat dan motivasi daripada beliau setelah sekian lama tenggelam dengan perasaan takut dan khuatir untuk pulang menziarahi kedua ibu bapa yang belum Islam. Dengan kata-kata nasihat berunsur dakwah dan sokongannya, penulis dapat pulang menziarahi keluarga kandung dan mereka begitu positif menerima kembali penulis yang pernah mereka tidak diakui sebagai anak sebelum ini.

Cabarannya penyesuaian diri saudara Muslim ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Setiausaha Agung Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tuan Haji Yaakob Lazim yang dipetik dari majalah *Al-Islam* keluaran Januari 1994. Beliau mengulas: “Perasaan tidak selesa saudara-saudara Muslim di kalangan masyarakat Islam, khususnya orang Melayu mungkin disebabkan oleh sikap orang Melayu sendiri. Ramai orang kita tidak melihat kesejagatannya Islam. Kita terlalu menghubungkan diri dengan

Islam, sehingga ada yang merasakan saudara-saudara Muslim yang tidak mengamalkan budaya Melayu diragui keislamannya.” Tambah beliau lagi kurangnya kefahaman mengenai kesejagatan Islam di kalangan masyarakat Islam negara ini telah menimbulkan salah faham di kalangan saudara Muslim serta orang bukan Islam. Ulama fiqh melihat sesuatu dari sudut hukum hakam dan menekankannya secara mendadak kepada saudara Muslim, sebaliknya ulama dakwah mengutamakan soal keyakinan sehingga mereka sendiri merasakan mereka patut meninggalkan larangan Islam tanpa paksaan. Pendakwah terkenal Hussein Yee yang turut memberikan pandangan dalam hal ini menyatakan ketidakmampuan masyarakat Islam membezakan budaya dengan agama membuktikan sempitnya fahaman mereka terhadap agama sendiri dan boleh menimbulkan fitnah terhadap Islam. Beliau menasihati masyarakat Islam khususnya orang Melayu perlu bersikap terbuka dan sedia berkongsi agama Islam bersama masyarakat bukan Islam yang berpotensi menjadi saudara Muslim.

Oleh yang demikian, situasi ini benar-benar mengecewakan saudara Muslim dan sekiranya perkara ini dibiarkan berterusan tidak mustahil akan wujud pertikaian di kalangan saudara Muslim tentang keutamaan dalam memberi didikan selepas mereka memeluk Islam. Persoalan yang sering timbul adalah “keluarga angkat tidak mengajar cara solat, cara berwudhu dan bacaan al-Qur'an”, sebaliknya perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Tekanan untuk menyesuaikan diri saudara Muslim yang berterusan akan memberi kesan negatif dalam pemantapan aqidah mereka dan seterusnya memberi kesan kepada penghayatan dan pengamalan ajaran Islam.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi dan kesan yang positif kepada semua pihak khususnya individu, masyarakat, jabatan-jabatan kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam bimbingan dan kebajikan saudara Muslim di Malaysia. Oleh yang demikian, penulis ingin memberi beberapa cadangan ke arah melahirkan saudara Muslim yang benar-benar menghayati ajaran Islam. Cadangan tersebut ialah:

1. Memberi maklumat dan pendedahan kepada masyarakat Islam dan bukan Muslim di Malaysia umumnya tentang saudara Muslim dan cabaran-cabarannya psikologi yang dihadapi mereka.
2. Memahami faktor-faktor yang membawa kepada pengislaman saudara Muslim.
3. Memahami tahap psikologi yang dihadapi saudara Muslim dalam kehidupan harian sebagai Muslim.
4. Menggariskan beberapa pendekatan yang berkesan kepada masyarakat dalam mengendalikan bimbingan dan kebajikan kepada saudara Muslim.

5. Membantu pihak-pihak yang berwajib dan NGO yang berkaitan dalam bimbingan dan memberi kebaikan dan kaunseling kepada saudara Muslim yang menghadapi cabaran psikologi.
6. Memperbanyakkan lagi kajian dalam bidang saudara Muslim bagi tujuan rujukan pada masa akan datang dan untuk dakwah.

Saudara Muslim adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan menukar pegangan agama mereka kepada agama Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah. Pelbagai cabaran psikologi yang dihadapi oleh saudara Muslim dalam proses memeluk agama Islam. Cabaran psikologi ini perlu difahami oleh masyarakat khususnya pendakwah agar program-program penghayatan ajaran Islam lebih berkesan. Saudara Muslim yang berjaya menghayati ajaran Islam dan mempraktikkannya dalam kehidupan pasti akan mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.

RUJUKAN

- Amran Kasimin. 1985. *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2005. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Anon. 1994. Mengamalkan Islam Dalam Budaya Asal. *Al-Islam* Januari: 11-12.
- Anon. 1994. Nikmat dan Rahmat Yang Patut Dijaga. *Al-Islam* April: 47.
- Anuar Puteh. 1999. *Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. 2005. Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Anuar Puteh. 2008. *Bimbingan al-Qur'an saudara baru di Lembah Klang*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Desa. 2001. *Psikologi untuk Golongan Profesional*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Dusuki bin Haji Ahmad. 1980. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Fariza Md Sham & Anuar Puteh. 2006. Pendekatan psikologi dakwah dalam bimbingan saudara baru: Pengalaman di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Serantau Pemikiran Dakwah: Peranan dan Pengalaman. Anjuran Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Brunei, 19-20 September.

Fariza Md Sham, Anuar Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao. 2008. Cabaran Saudara Kita: Kajian Dari Aspek Psikologi. Kertas Kerja Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Malaysia, 24 Januari.

Faudzinaim Hj. Badaruddin. 2005. Saudara Kita: Harapan, Realiti dan Cabaran. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM.

Izzud Deen Abdullah. 2007. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor. Temu bual, 20 Julai.

Kamus Dewan. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Nazar Mohamed. 2005. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Asin Dolah. 1993. Konversi Agama:Pengertian dan Bentuknya. Dlm. Mohamed Yusof Hussain et al. (pnyt.). *Isu-Isu dalam Usuluddin dan Falsafah*. Bangi: Penerbit UKM.

Noorzila Jamaludin. 1994. Berikan Mualaf Asas Iman Yang Kuat. *Al-Islam* Disember: 19.

Nur Athirah Elsie. 2008. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Temu bual, 10 Sept.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao Abdullah. 2007. *Persepsi orang Cina Non Muslim terhadap Saudara Baru Cina: Kajian kes di Kajang, Selangor*. Projek Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Faudzinaim Hj. Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). 2005. *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti & Cabaran*. Bangi: Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin. 2008. Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temu bual, 15 Ogos.

Sheikh Abdullah Basmeih. 1988. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.

Siti Hawa Munji & Ma'rof Redzuan. 1990. *Pengantar Psikologi*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zulkiple Abd.Ghani. 2006. Konversi Agama: Memahami Psikologi dan Komunikasi Berkesan Saudara Baru. Dlm. Fariza Md.Sham, Siti Rugayah Hj.Tibek & Othman Talib (pnyt.). *Dakwah dan Kaunseling Islam*. Bangi: Penerbit UKM.